



**SIARAN MEDIA**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

---

**MAIPK MEMPERKENALKAN SHOPEE SEBAGAI MEDIUM BAYARAN  
TERBAHARU BAGI BAYARAN ZAKAT**

---

**IPOH, 16 Disember 2020** – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengumumkan Shopee sebagai medium bayaran atas talian terbaru bagi bayaran zakat melalui laman *Facebook* MAIPk iaitu Zakat Perak-MAIPk.

Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Ketua Pegawai Eksekutif melalui kenyataan kepada media memaklumkan MAIPk sentiasa komited memperkasakan khidmat pelanggan bagi memudahkan pembayaran zakat. Pelantikan medium bayaran zakat melalui platform e-dagang, Shopee seiring dengan perkembangan terkini iaitu masyarakat semakin memilih transaksi bayaran dan pembelian atas talian yang lebih mudah dan cepat. Selain itu, dalam tempoh negara masih lagi terhad pergerakan ekoran pandemik Covid-19, transaksi atas talian adalah pilihan yang lebih selamat.

Orang ramai terutama umat Islam di Perak boleh membayar zakat menerusi aplikasi Shopee mulai 18 Disember ini melalui dompet mudah alih ShopeePay, Kad Debit, perbankan atas talian dan pembayaran secara tunai di kaunter 7-Eleven. Bagi merancakkan lagi kempen bayaran zakat, pihak Shopee juga melaksanakan kempen zakat di Shopee yang menawarkan 200 Syiling Shopee kepada 1,000 pembayar zakat terawal yang akan dipilih setiap hari dengan tempoh kempen bermula pada 22 Disember hingga 31 Disember 2020.

Kerjasama bersama Shopee ini akan memberi kemudahan kepada ramai pengguna Shopee yang beragama Islam untuk melaksanakan ibadah zakat khususnya di negeri Perak dan hasil kutipan zakat ini seterusnya akan diagihkan dan memanfaatkan golongan asnaf.

Para pengguna boleh membayar zakat melalui ‘Deals, Top-ups & Bills’ dalam aplikasi Shopee dengan mengikuti langkah-langkah yang mudah.

**-TAMAT-**



(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak  
1 Jamadilawal 1442H / 16 Disember 2020